

'JUNJUNG QURAN UNTUK BUKTIKAN KEBENARAN SEMUA TUDUHAN'

Mahathir cabar Musa bersumpah

JOHOR BAHARU 22 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mencabar Datuk Musa Hitam supaya bersumpah dengan menjunjung Quran dalam masjid untuk membuktikan kebenaran semua tuduhan terhadapnya yang terkandung dalam rakaman videotape 'amanat Musa untuk pengundi.'

Perdana Menteri menegaskan beliau sanggup bersumpah sedemikian kerana merasa sedih di atas perbuatan bekastimbalannya yang manih dianggap sebagai kawan sanggup berbohong dalam rakaman video itu.

Berucap di majlis ramah mesra dengan lebih 3,000 pekerja pilihanraya kecil Barisan Nasional di Saujana di sini malam ini beliau menyebut banyak kali tentang rasa sedihnya di atas kesanggupan Datuk Musa menyatakan perkara yang tidak benar mengenai dirinya di samping kecaman berbentuk peribadi.

Dalam ucapan hampir dua jam itu Perdana Menteri banyak menyebut kisah-kisah yang tidak pernah diceritakan kepada umum sebelumnya untuk membuktikan pelbagai tuduhan yang dilemparkan oleh Datuk Musa.

Perkarapertama yang disentuh oleh Datuk Sri Dr. Mahathir ialah mengenai kata-kata Datuk Musa yang antara lain disebut, "dalam pilihanraya ini perkara lain tidak penting dan yang penting ialah soal kepimpinan Dr Mahathir."

Dalam perkaraitu, Perdana Menteri bertanya apakah yang penting sangat mengenai dirinya sehingga sanggup memecahbelahkan perpaduan rakyat dan penduduk Johor Baharu.

Menurutnya, kata Datuk Musa yang penting ialah memberi amaran kepada Perdana Menteri, jadi tamah Datuk Sri Dr. Mahathir, pilihanraya ini hanya sebagai peluang mencacinya 'kononnya saya ini diktator.'

Katanya, Datuk Musa juga ada menyebut bahawa dalam mesyuarat kabinet beliau tidak memberi peluang kepada orang lain bercakap dan sambil ketawa kecil beliau menambah: "Buat apa mesyuarat kalau saya seorang sahaja yang bercakap."

"Kita bermesyuarat, adakalanya disambung dari tengah hari sampai lewat pagi dan takkanlah saya seorang sahaja yang bercakap dan takkanlah saya langsung tidak beri peluang kepada orang lain bercakap."

Katanya lagi, Datuk Musa mendakwa semua orang

Oleh
Abdullah Hassan

tahu Dr. Mahathir diktator dan dalam hal ini beliau menjelaskan: "saya tidak boleh nak jawab seperti contoh dia kata kain itu warna putih tapi saya kata hitam dan dia tidak terimanya, apalagi yang hendak saya katakan."

Perdana Menteri bagaimanapun mengakui bahawa apabila beliau hendak buat sesuatu, beliau mestime nerangkan apa yang hendak dibuat. Dalam mesyuarat Majlis Tertinggi semua yang hadir berbincang: "Dan kalau orang yang hadir itu setuju, adakah itu saya juga yang salah? Tanya beliau.

Beliau kemudiannya menceritakan pengalaman yang pernah dilalui semasa menghadiri Majlis Tertinggi UMNO di zaman Tunku Abdul Rahman yang ketika kehadirannya mesyuarat hanya berlangsung selama 15 minit sahaja.

Ini tidak pula dikata diktator, sambil menambah bahawa setiap pemimpin mempunyai *style* yang tersendiri sama ada beliau sendiri atau Tunku Abdul Rahman, Datuk Hussein Onn atau Allahyarham Tun Abdul Razak.

Katanya, Datuk Musa juga pernah komplain kepadanya mengenai Datuk Hussein yang kononnya *style* Datuk Hussein lambat buat keputusan. Dalam mesyuaratpun pernah dia menjeling kepadanya.

Mengenai tuduhan diktator, Perdana Menteri menjelaskan bahawa kata-kata Datuk Musa, walaupun tidak nampak diktator tapi diktator amat susah hendak dijawab.

Ini adalah kerana dia tuduh diktator tapi tak nampak diktator, jadi bagaimana hendak jawab. Datuk Musa juga berkata, menurut Perdana Menteri, bahawadengan mengadakan pilihanraya tidak semestinya ada demokrasi.

Dengan nada yang lembut Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa di Negeri Johor, kedudukan UMNO adalah yang paling kuat dan di sini pun ada orang hendak mempermainkan kita untuk buat pilihanraya.

Mengikut perlembagaan, katanya, pilihanraya kecil boleh diadakan apabila calon yang ada sakit atau mati dan perlu dicari pengganti tetapi dalam pilihanraya ini, calon yang ada masih sihat, berkempen di sana herkempen di sini dan letak jawatan.

Kita bentuk perlembagaan untuk beri kuasa kepada rakyat pilih wakil mereka bagi menentukan pentadhiran kerajaan. Tetapi kali ini seorang mempermainkan peruntukan ini kerana pilihanraya kecil ini tidak perlusama sekali kerana calon itu meletakkan jawatan kerana marahkan sesuatu.

Calon ini mengheret orang Johor Baharu untuk melawan pihak yang lain semata mata kerana hendak tunjuk kemarahan kepada orang lain "khasnya kepada saya-lah," tambah beliau dengan disambut dengan gelak ketawa pada hadirin.

Perdana Menteri berkata kerajaan mengadakan pilihanraya dan mematuhi undang-undang sebagaimana lunas lunas demokrasi dipatuhi tetapi ada pihak yang tidak mematuhi dan kalau tindakan diamhil mereka akan berkata kerajaan atau pemimpin diktator atau kuku besi.

Mereka sudah merancang sesuatu dan jika kerajaan mengambil tindakan akan menepati pula tuduhan kuku besi yang didakwa.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberi contoh hari penamaan calon pilihanraya kecil Parlimen Johor Baharu pada 11 Ogos di mana pihak Barisan hanya memhaca doa tetapi pihak lawan mengadakan rapat umum dengan mengada-

MAHATHIR CABAR MUSA BERSUMPAAH

kan **seri** ceramah ucapan **Tunku Abdul Rahman**. **Datuk Shahrir Samad** dan **Tengku Razaleigh Hamzah**

"**Itu rapat umum tanpa permit polis tetapi kita tidak bertindak kerana kalau kita bertindak mereka akan menuduh kerajaan kuku besi.**

"**Kalau betul dakwaannya pemerintahan diktator, tentunya sudah tidak sampai ke peringkat itu, sudah kena tangkap tetapi kita tidak tangkap kerana kita ikut undang - undang.**"

Kata **Datuk Sri Dr. Mahathir**, **Datuk Musa** dalam videotapenya **juga ada menyebut "trendnya ke arah diktatorship."**

Dalam konteks ini beliau menyatakan **umurnya** sekarang sudah 63 tahun dan berapa lama hendak **hidup tentu** tidak menongkat **langit tentu akan mati juga**, jadi **kalau dakwaan itu betul, bila** bendak berlaku.

Menurutnya, **Datuk Musa juga ada menydbut** bahawa jika beliau sanggup buang **hakim**, beliau

juga sanggup buang raja.

Dalam **halini** beliau menjelaskan bahawa **Datuk Musalah** orang yang **benci** raja dan **ada seorang** raja yang dia **benci** tetapi dia bercakap **saya** yang hendak **menjatuhkan** sistem beraja.

Tambah beliau, dalam krisis' pindaan **perlembagaan** yang **menghadkan** kuasa raja - raja, **Datuk Musa ada** menyatakan kepadanya," **kalau kita** hendak **melukannya**, lebih baik buat sekarang tetapi **apabila** ada masalah **saya** seorang sahaja dan **Datuk Musa** berdiam **diri**.

Dalam krisis ini, kata **Datuk Sri Dr. Mahathir** bukan beliau seorang **sahaja**, **Datuk Musa** pun tidak sayang **sangat** raja - raja, **tapi saya** boleh berbaik dengan raja dan sebagai penasihat beliau **memberi** nasihat.

Menurutnya, **Datuk Musa juga** tidak seronok **Jengan** dasar - dasarnya seperti penerapan nilai - nilai Islam kerana **kata-**nya **macam** PAS tetapi beliau **jawab** Islam bu-

kan milik PAS sahaja.'

Begitu **juga** pandang ke timur, **Musa** kurang setuju kerana dia suka orang putih dan **bercakap** orang putih tetapi dalam dasar **ini** yang penting ialah **mencontohi** bagaimana orang Jepun bekerja.

Tentu tidak salah **kalau** diajar orang Melayu supaya **mencontohi** orang Jepun yang rajin bekerja.

Mengenai dakwaan **Datuk Musa** bahawa **beliau** tidak merestui **kawan - kawannya** datang ke **rumah** pada **Hari Raya**. **Datuk Sri Dr. Mahathir** menegaskan bahawa itu adalah satu pembohongan kerana beliau tidak pernah **menolak** orang yang hendak datang ke **rumah** pada **Hari Raya**.

Menurutnya, **Datuk Ajib**, **Datuk Adib** dan **Datuk Musa** sendiri **datang** ke **rumah** pada **Hari Raya** dan **pada** hari yang **sama juga** lebih dari **8,000 orang** datang **menjunjungnya** **termasuk** pemimpin DAP, Lee

Lam Thye dan seorang orang gila.

"**Saya** bersumpah dan **saya** menafikan tuduhan **Datuk Musa** itu kerana **saya** tidak pernah kata **jangan** datang ke **rumah** pada **Hari Raya**," **tegas-**nya.

Beliau menceritakan bahawa **Datuk Musa ingin** membawa **kawan - kawannya** datang **berjumpanya** dengan tujuan beliau menerima balik mereka dan **memberi** mereka jawatan yang **lama** termasuk **Datuk Shahrir** sebagai ketua bahagian Johor Baharu.

Perdana Menteri **men-** jelaskan bahawa perkara itu tidak boleh sebab **beliau** telahpun melantik orang - orangnya.

Katanya: "**Orang Datuk Musa** belum tentu menyokong **saya** dan **kalau** **saya** buang orang **saya**, mereka akan **kecil** hati dan tidak **menyokong** **saya** pula. Jadi **bagaimana**."

Dalam suasana senyap sunyi, **Perdana Menteri** mencuit **hati** **para** **pekerja** pilihanraya Barisan

Nasional mengenai soal atau dakwaan yang mengatakan beliau **kahwin** dengan wanita Cina di Singapura.

Katanya: "**Saya** tidak kahwin orang lain, satu inilah sahaja (yang **bermaksud** isterinya **sekarang**). **Ke mana** **saya** pergipun dia ikut tak boleh buat **apa-apa**," **disambut** dengan gelak **ketawa** **para** hadirin semua.

Bagaimanapun, dengan **serius** **Perdana Menteri** berkata beliau tidak dapat memaafkan **Datuk Musa** kerana telah memburukkan nama timbalannya Encik **Ghaffar** Baba.

Menurutnya, **Datuk Musa** **berkata** Encik **Ghaffar** tidak boleh **diharap** kerana terlalu **banyak** bersabar dan **menyokong** **Perdana Menteri**.

Ini semua beliau cecitakan, kata **Datuk Sri Dr. Mahathir** bukan mengandungi mesej **su-paya** bencikan **Datuk Musa** tetapi sokonglah Barisan Nasional.

Menurutnya, Barisan

Nasional telahpun **memilih** calonnya, **Haji Mas'ud** **Abdul Rahman** dan **kerajaan** mampu **memberi** segala bantuan **kepada-**nya untuk bangunan **Johor** Baharu.

Datuk Sri Dr. Mahathir **juga** merasa sedih **kerana** **Tunku Abdul Rahman** menuduhnya sebagai Firaun. Beliau **tidak** mahu menjawab **kerana** mahu **Tunku** **hidup** tenang dan kekal sebagai pejuang kemerdekaan.

Beliau **juga** merasa **hairan**, kenapa **Datuk Musa** dalam **kempen** **pilihanraya** **ini** **menghentamnya** kerana orang yang sepatutnya **dihentam** ialah calon Barisan, **Haji Mas'ud**, tanya **beliau** sambil **mendapat** **gelak** **ketawa** dari **para** **hadirin**.

Beliau berharap **pen-** duduk **Johor** Baharu menganggap **pilihanraya** **ini** sebagai pungutan **sua-**ra untuk memilih wakil rakyat dan bukan usaha untuk tunjuk kebencian terhadapnya.